

Talking Points
YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob
Menteri Kanan Pertahanan

20 Oktober 2020

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Hari Ke-217 dan Hari ke-133 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan.

- Semalam (19 Oktober 2020) merupakan **hari ke-132 pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).**

Task Force Operasi Pematuhan

- Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui **Task Force Operasi Pematuhan melibatkan 3,101 Pasukan Pematuhan** yang terdiri daripada **13,541 anggota.**
- **Task Force** ini telah membuat **58,850 pemeriksaan** bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan SOP PKPP.
- Sebanyak **3,509 pasar raya, 4,717 restoran, 1,409 kilang dan 1,747 pasar awam/tani** telah diperiksa.
- Turut diperiksa, **3,111 tempat ibadah** serta **1,293 tempat riadah.**
- PDRM telah **menahan 460 individu** atas kesalahan ingkar arahan PKPP.
- Daripada jumlah itu, **seramai 440 individu telah dikompaun.**
- Seramai **20 individu pula direman.**

- Antara kesalahan ingkar arahan PKPP termasuk:
 - **Penjarakan fizikal (167)**
 - **Tidak memakai pelitup muka (159)**
 - **Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran diri (58)**
 - **Dan lain-lain (76)**
- *Task Force* akan terus **mempertingkatkan pemeriksaan** serta **mengambil tindakan** ke atas **pemilik premis dan orang awam** yang **tidak mematuhi SOP PKPP** yang ditetapkan.

Kawalan Sempadan Negara

- **Operasi BENTENG** yang melibatkan;
 - **Angkatan Tentera Malaysia (ATM),**
 - **Polis Diraja Malaysia (PDRM),**
 - **Agensi Penguatkuasaan Malaysia (APMM),**
 - **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM),**
 - **Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),**
 - **Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM)**

dan agensi-agensi lain **mengawal ketat sempadan negara** secara bersepadu dari **dibolosi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)** bagi **mengekang jenayah rentas sempadan** selain **mengekang penularan wabak COVID-19.**

- Sejak Mei hingga 19 Oktober 2020, seramai **7,546 PATI** dan **767 tekong** telah berjaya ditahan pihak berkuasa.

- Semalam, Ops Benteng telah berjaya menahan **57 PATI**, serta berjaya merampas **4 kenderaan darat**.
- Daripada jumlah itu, **Rejimen Pertama Kor Armor Diraja** telah berjaya menangkap **15 PATI** di **Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor**.
- Sebanyak **307 Sekatan Jalan Raya Operasi Benteng** juga dilakukan diseluruh negara yang melibatkan:
 - PDRM – **233 SJR**
 - ATM – **65 SJR**
 - AKSEM – **9 SJR**

Operasi Sanitasi Awam COVID-19

- **Ops Sanitasi Awam** di bawah kawal selia **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** sejak 30 Mac 2020 telah melakukan **10,594 operasi sanitasi** merangkumi **135 zon**.
- Semalam, sebanyak **29 operasi sanitasi** meliputi **8 Zon Merah, 8 Zon Kuning dan 7 Zon Hijau** di **12 buah negeri** termasuk **2 Wilayah Persekutuan** iaitu:
 - **Sabah** (9 operasi),
 - **Kedah** (5 operasi),
 - **Pulau Pinang** (4 operasi),
 - **Terengganu** (2 operasi),
 - **Pahang** (2 operasi),
 - **Selangor** (1 operasi),
 - **Sarawak** (1 operasi),

- **Perlis** (1 operasi),
 - **Negeri Sembilan** (1 operasi),
 - **Melaka** (1 operasi)
 - **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** (1 operasi) dan **Putrajaya** (1 operasi)
- Operasi Sanitasi ini melibatkan **123 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** serta **220 anggota pihak berkuasa tempatan (PBT)** dan **15** dari agensi-agensi lain.
 - **25 jentera JBPM** turut digunakan dalam Operasi Sanitasi Awam.

Kuarantin Wajib

- Dari **24 Julai** sehingga **19 Oktober 2020**, seramai **51,720 individu** telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.
- Daripada jumlah itu, seramai **8,441 individu** sedang menjalani kuarantin wajib di **67 Hotel** dan **16 premis lain termasuk Institut Latihan Awam (ILA) serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta** di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah dan Labuan.
- **381 individu** pula telah dibawa ke **hospital untuk rawatan** manakala **42,898 individu** telah di discaj dan **dibenarkan pulang ke rumah**.

Situasi di Sabah

PKPD Kampung Saguking, WP Labuan

- Sidang Khas MKN hari ini mendengar pembentangan MKN Sabah berkenaan dengan peningkatan kes positif COVID-19 di Kampung Saguking, WP Labuan.
- Sehubungan dengan itu, atas nasihat KKM, sidang hari ini bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang melibatkan Kg. Saguking Laut dan Kg. Sebor Baru **bermula 21 Oktober 2020 sehingga 3 November 2020.**
- Jumlah penduduk kampung yang terlibat adalah seramai 8,062 orang.
- Pelaksanaan PKPD ini membolehkan pergerakan keluar masuk di kawasan tersebut dapat dikawal dan memudahkan pelaksanaan ujian saringan COVID-19 dilaksanakan.
- Kawalan keselamatan dan penguatkuasaan akan dilakukan oleh agensi keselamatan iaitu PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) & Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
- Kebajikan penduduk akan diuruskan oleh Pihak berkuasa Tempatan (PBT) & Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- Penduduk terlibat perlu menjalani *Home Surveillance Order* (HSO) dan memakaikan gelang pengawasan kepada kontak rapat dan mereka yang bergejala dan telah diambil sampel.
- Pergerakan keluar masuk melibatkan kawasan PKPD tidak dibenarkan kecuali kecemasan. Penduduk yang bekerja juga tidak dibenarkan keluar dari kawasan tersebut.
- Semua aktiviti sosial/keagamaan dan segala bentuk perhimpunan tidak dibenarkan.
- Aktiviti *Barter trade* yang dilaksanakan di kawasan ini tidak dibenarkan.
- Bagaimanapun, sedikit kelonggaran diberikan terhadap aktiviti perniagaan untuk menjana ekonomi seperti kedai runcit dan premis makanan dan dibenarkan beroperasi sehingga pukul 6.00 petang melalui kaedah take-away sahaja.

Bantuan Sokongan ATM

Makeshift Treatment Centre di Penjara Kepyau, Kota Kinabalu

- Hari ini, Sidang Khas juga mendengar pembentangan daripada MKN Sabah mengenai keperluan untuk menambah fasiliti perubatan di Penjara Kepyau, Kota Kinabalu yang telah dikenakan PKPD bermula hari ini akibat daripada peningkatan jumlah positif COVID-19 di penjara tersebut.
- Sehubungan itu, ATM bersetuju untuk mewujudkan **Makeshift Treatment Centre (MTC)** di dalam kawasan penjara tersebut untuk dijadikan pusat rawatan atau tempat pengasingan pesakit yang dijangkiti COVID-19.
- MTC ini adalah mengikut model serupa yang telah dilaksanakan seperti di Penjara Pokok Sena, Kedah, sebelum ini dan persediaan akan dilakukan dalam masa yang terdekat.

Hospital Medan

- Seperti diumumkan sebelum ini bahawa Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM akan membuka Hospital Medan di Tawau Sabah dan akan mula beroperasi minggu ini.
- Alhamdulillah, saya ingin umumkan bahawa hospital medan ini sudahpun beroperasi dan telah menerima empat pesakit hari ini.

- Pengoperasian Hospital Medan ATM ini sebagai bantuan sokongan kepada KKM dengan memberi fokus kepada rawatan kes-kes bukan COVID-19.
- Ini memberi ruang kepada hospital KMM memberi fokus sepenuhnya dalam menangani kes-kes COVID-19.
- Selain itu, jika kes-kes positif COVID-19 di Sabah terus meningkat dan memerlukan bantuan sokongan kesihatan, ATM bersedia untuk mewujudkan lagi Hospital Medan di kawasan yang ditentukan oleh KMM.

Work From Home

- Sidang Khas MKN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri hari ini mendengar pembentangan KKM berkenaan situasi semasa COVID-19 di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan, Selangor dan Sabah**.
- Melihat kepada trend peningkatan kes positif COVID-19 di negeri dan wilayah-wilayah ini, terdapat keperluan bagi memperketatkan kawalan aktiviti pergerakan keluar masuk melibatkan kawasan ini.
- KKM juga sebelum ini telah mengumumkan terdapat **9 kluster dari tempat kerja di negeri Selangor** sehingga hari ini. Justeru, atas nasihat KKM, sidang Khas MKN hari ini bersetuju agar pekerja-pekerja bagi sektor awam dan pekerja swasta diperingkat pengurusan dan pengawasan **tidak perlu untuk hadir ke pejabat dan hanya bekerja dari rumah (*Work From Home*)**.
- MITI juga memaklumkan bahawa hampir 800,000 pekerja sektor industri dari **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan, Selangor dan Sabah** akan terlibat dengan arahan ini.
- Arahan ini juga akan melibatkan seramai hampir 200,000 penjawat awam di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan, Selangor dan Sabah**
- Walaubagaimanapun, terdapat pengecualian bagi proses kerja yang memerlukan keberadaan di pejabat seperti bahagian yang

terlibat dalam urusan kewangan yang membuat bayaran, pengurusan, penguatkuasaan dan kebajikan.

- Pihak majikan diarah untuk mengeluarkan surat pelepasan perjalanan bagi setiap kakitangan yang terpaksa bekerja di pejabat sepanjang tempoh ini.
- MITI akan mengeluarkan kenyataan media berkenaan arahan ini dalam masa terdekat.
- Pekerja yang **tinggal di kawasan zon merah** perlu melakukan swab test dan jika pihak majikan mencarum dengan PERKESO, kos akan ditanggung.
- Pelaksanaan arahan ini akan berkuatkuasa **bermula 22 Oktober 2020 sehingga pelaksanaan PKPB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan, Selangor dan Sabah** tamat.

Saringan Pekerja Warga Asing

- Sebelum ini kerajaan menetapkan bahawa pekerja warga asing sektor pembinaan dan pengawal keselamatan diwajibkan membuat saringan swab test sebagai kawalan pencegahan penularan kes positif COVID-19 di tempat kerja.

- Sidang Khas MKN hari ini bersetuju agar ketetapan ini diteruskan kepada pekerja warga asing di Selangor, WP Kuala Lumpur, Putrajaya, Sabah dan Labuan.
- Bagi pekerja warga asing yang majikan mereka mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), ujian swab adalah disediakan secara percuma.